



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM “HACKFEST  
MBSP 2021” SECARA MAYA “VIRTUAL”**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**01 OKTOBER 2021 (JUMAAT)**  
**9.30 PAGI**

**SECARA MAYA “VIRTUAL” DI  
DEWAN KENANGA MENARA MBSP  
BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Warga Kerja**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para Peserta Hackfest dari seluruh pelusuk Malaysia**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga kita bertemu pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Program “Hackfest MBSP 2021” Secara Maya (*Virtual*) di Dewan Kenanga, Menara MBSP.

Saya selaku Datuk Bandar Seberang Perai ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan tidak ketinggalan para peserta *Hackfest* MBSP 2021 kerana sudi meluangkan masa berada dalam program anjuran MBSP ini, Saya amat berbangga kerana kali ini kita mendapati peserta-peserta yang mengambil bahagian adalah peserta dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada Semenanjung (Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Putrajaya, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu), Sabah dan Sarawak. Malahan dari segi umur, juga terdapat perbezaan yang ketara di mana julat umur peserta adalah dari 18 hingga 52 tahun. Bermakna hackfest bukan sahaja diminati oleh golongan belia, malah di kalangan orang dewasa. Syabas saya ucapan atas

semangat dan minat yang ditunjukkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan program ini.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Bersempena dengan perayaan Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai kali kedua, MBSP sekali lagi menganjurkan program “*hackathon*” yang dikenali sebagai *HACKFEST MBSP 2021* dan buat pertama kalinya dibuat secara maya atau ‘*VIRTUAL*’ bermula 1 hingga 3 Oktober 2021 bagi mencari kaedah penyelesaian dalam usaha meningkatkan lagi perkhidmatan MBSP ke arah bandar pintar selari dengan visi MBSP, Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

Selain itu, MBSP juga ingin mencungkil bakat, idea dan inovasi kreatif di kalangan golongan muda dan penglibatan komuniti bersama MBSP. Program Hackfest menggambarkan kerterbukaan MBSP terhadap teknologi baru kepada masyarakat. Di samping itu, program ini juga akan memperkenalkan golongan *tech-savvy* serta mewujudkan kerjasama MBSP

dengan syarikat dan individu dalam pembangunan aplikasi berorientasi Seberang Perai.

Tema yang diketengahkan bagi *Hackfest* MBSP pada kali ini ialah “*connect people*”. Ianya adalah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan MBSP dalam penyaluran dan penerimaan maklumat secara efektif. Oleh itu, cadangan penyelesaian yang perlu dikemukakan oleh setiap kumpulan hendaklah menjurus kepada memudahkan masyarakat terutama penduduk Seberang Perai dari pelbagai peringkat untuk berurusan dengan MBSP.

Untuk makluman, *Hackfest* adalah *problem solving* diluar kotak pemikiran biasa (*Think Out Of The Box*). Ianya merupakan satu perhimpunan yang mengumpulkan pembangunan sistem, pengaturcara, pereka grafik, syarikat dan pencetus idea serta pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan model penyelesaian untuk berkolaborasi dalam membina idea dan mencari penyelesaian. Cadangan penyelesaian yang diharapkan akan diperolehi termasuklah cadangan perkakasan dan pembangunan perisian, konsep serta aplikasi mobile.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program ini terbuka kepada semua warga Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas secara individu atau berkumpulan dengan setiap kumpulan terdiri daripada satu (1) hingga tiga (3) ahli. Penyertaan adalah percuma dan terhad kepada 30 kumpulan berdasarkan kepada pendaftaran awal. Setiap peserta akan menerima e-sijil sebagai penghargaan. Pada tahun ini, MBSP telah menerima peningkatan pendaftaran sebanyak tiga (3) kumpulan iaitu 15 kumpulan berbanding 12 kumpulan sebelum ini.

Pihak urusetia telah mengumpulkan empat (4) *problem statement* daripada pelbagai Jabatan MBSP iaitu:-

- i. Jabatan Kejuruteraan – Permohonan Lampu Jalan MBSP;
- ii. Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa – Penyelarasaran Maklum Balas / Minit / Permohonan Antara Jabatan Dalaman MBSP;
- iii. Jabatan Khidmat Pengurusan – Pengumpulan Maklumat Pencalonan Anugerah / Kurniaan Pingat Dari Semua Jabatan; dan
- iv. Jabatan Bangunan – Permohonan Pelan Bangunan.

Setiap kumpulan akan diminta untuk memilih salah satu daripada *Problem Statement* tersebut dan akan membangunkan sama ada konsep, idea dan prototaip cadangan dalam tempoh masa berdasarkan kepada taklimat yang akan diberikan pada hari pertama *Hackfest* dan sesi perbincangan pada hari berikutnya melalui aplikasi “zoom”.

Selepas tempoh masa tamat, setiap kumpulan perlu mengemukakan hasil cadangan kumpulan berbentuk presentation slide dan presentation video untuk disemak dan dinilai. Setiap kumpulan akan menjalani proses penilaian melalui juri yang dipilih oleh MBSP dan bagi yang berjaya hadiah adalah dalam bentuk wang tunai.

- i. HADIAH PERTAMA - RM5,000.00
- ii. HADIAH KEDUA - RM3,000.00
- iii. HADIAH KETIGA - RM1,000.00.

Hasil cadangan penyelesaian yang dikemukakan kepada MBSP akan menjadi milik MBSP sepenuhnya Bagi kumpulan yang berjaya dengan idea kreatif yang dikemukakan, MBSP akan mempertimbangkan untuk melaksanakan projek berkenaan untuk kegunaan MBSP.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program ini berfokuskan ke arah Penerapan Teknologi Baru yang melibatkan *engagement* di antara *stakeholders* dan MBSP dengan menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui 7P (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*). Dalam hal ini, MBSP berkerjasama dengan stakeholders, khususnya golongan remaja untuk menggilap bakat, kreativiti, kerja berpasukan serta mewujudkan ikatan jaringan pintar dalam mewujudkan perisian yang boleh digunakan sebagai penyelesaian ke atas masalah yang timbul dalam perkhidmatan pelbagai Jabatan di MBSP dengan mudah, pantas dan pintar.

Penglibatan *philosopher* dan *philanthropy* sebagai peserta *Hackfest* merupakan sinergi kepada inisiatif bandar pintar dan aspek dalam *inclusiveness*. Ini adalah satu usaha MBSP untuk mendapatkan pandangan serta penglibatan daripada golongan remaja yang merupakan generasi pelapis yang berperanan dalam meneruskan perjuangan serta mencorak landskap masa depan Negara.

Program Hackfest MBSP 2021 adalah merupakan salah satu perancangan atau komitmen MBSP untuk memacu Seberang Perai ke arah Resilient, Inklusif, Hijau dan Bandaraya Pintar di Pacu Teknologi.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis MBSP, badan-badan korporat, para peserta serta para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai yang memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow” dapat direalisasikan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “**Bismillahirrahmanirrahim**” saya dengan ini melancarkan Program *Hackfest MBSP 2021*.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***